

Ahad, 15 March 2020 | 3:30pm



Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid. - Foto BERNAMA

Isu bekalan topeng ke Kabinet pada Rabu ini

Oleh Baharom Bakar
cnews@nstp.com.my

KUALA TERENGGANU: Isu kekurangan bekalan topeng muka di pasaran seluruh negara, akan dibincang pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, mengakui pembelian panik berikutan kebimbangan orang ramai terhadap COVID-19, menjadi punca utama kekurangan bekalan topeng.

Jelasnya, siasatan dilakukan pegawai di KPNDHEP mendapati tiada aktiviti menyorok topeng bertujuan untuk menaikkan harga oleh pemborong dan peniaga barangan berkenaan.

"Pegawai dan anggota KPNDHEP akan terus melakukan pemeriksaan serta pemantauan, tindakan akan dilakukan jika mendapati ada peniaga yang menaikkan harga bahan itu.

"Kerajaan sudah mengisytiharkan bahawa topeng muka adalah barang kawalan dan tindakan menaikkan harga boleh dikenakan tindakan," katanya pada sidang media ketika mengadakan lawatan kerja di Ibu Pejabat KPDNHEP negeri, di sini, hari ini.

Yang turut hadir adalah Pengarah KPDNHEP, Saharuddin Mohd Kia.

Ketika mengulas larangan kerajaan untuk mengimport topeng, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu menegaskan kerajaan terpaksa berhati-hati untuk mendapatkan bekalan daripada luar negara bagi mengelakkan penularan Covid-19.

Katanya, setakat ini kerajaan yakin dengan kemampuan pembekal topeng daripada negara ini, tetapi keputusan muktamad terutama menyelesaikan masalah kekurangan bahan itu akan dibincangkan pada mesyuarat kabinet Rabu ini.

Mengulas mengenai pemborong dan peniaga tidak menurunkan harga barangan walaupun berlaku penurunan harga minyak sejak dua minggu lalu, Rosol mengakui dan menegaskan pengguna perlu bijak membuat pilihan.

Jelasnya, KPDNHEP hanya boleh mengambil tindakan undang-undang keatas peniaga yang menaikkan harga barangan kawalan.

"Kerajaan menyerahkan kepada kebijaksanaan pengguna bagi menangani isu keengganan peniaga menurunkan harga barangan," katanya.

